



**KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

PERMOHONAN BANTUAN PENDIDIKAN BAKTIDESAS KKDWS

1. LATAR BELAKANG

- Bantuan Pendidikan BAKTIDESAS KKDWS yang telah dimulakan sejak 21 Julai 2005 bertujuan untuk menyediakan satu (1) mekanisme bantuan kewangan kepada pelajar miskin/ miskin tegar di **LUAR BANDAR** sebagai persediaan untuk memasuki institusi pendidikan berkaitan yang diiktiraf seperti **Sekolah Berasrama Penuh (SBP), MRSM, Sekolah Harian/Agama Berasrama, Pusat Matrikulasi, Pusat Pengajian (Latihan/Pendidikan) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)**. Bantuan yang disediakan adalah berbentuk pemberian secara *one-off*.
- Kadar bantuan bagi setiap peringkat pengajian adalah sepertimana di **Jadual 1**:

JADUAL 1

| Jenis Bantuan | Peringkat Pengajian | Kadar Bantuan |
|---|--|-------------------|
| Bantuan Persediaan Kemasukan ke Sekolah/Institusi Pengajian | SBP, MRSM, Sek. Harian/ Agama Berasrama, Pusat Matrikulasi, Pusat Pengajian (Latihan/ Pendidikan bertaraf Sijil) | RM500.00 |
| | Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (Pengajian peringkat Diploma dan Ijazah Pertama) | RM1,000.00 |

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Syarat-syarat yang melayakkan pelajar untuk memohon Bantuan Pendidikan BAKTIDESAS KKDWS adalah seperti berikut:

- Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan belum berkahwin;
- Jumlah pendapatan keluarga pemohon adalah sepertimana yang tercatat pada Jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 di **Jadual 2**;

JADUAL 2

| Wilayah (Luar Bandar) | Kategori Miskin | | Kategori Miskin Tegar | |
|-----------------------|-----------------|-----------------|-----------------------|-----------------|
| | Isi Rumah (RM) | Per Kapita (RM) | Isi Rumah (RM) | Per Kapita (RM) |
| | RM2,199 | RM567 | RM1,142 | RM290 |

- Telah ditawarkan/ diterima masuk ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Harian/ Agama Berasrama, Pusat Matrikulasi, Institut Latihan Kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) **secara sepenuh masa**;
- Kursus dan bidang latihan yang dijalani perlu mendapat pengiktirafan badan-badan Kerajaan seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), JPK atau badan-badan lain yang berkaitan; dan
- Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh surat tawaran diterima.

3. SENARAI DOKUMEN WAJIB

Semua Salinan dokumen di bawah hanya boleh **disahkan** oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan dan Profesional [Gred 41 / Kumpulan A dan ke atas]) ATAU Penggawa/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Sidang/MPKK/ Pengerusi JKKR/ Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Temenggong/ Kapitan/ Pemanca (Mukim kawasan tempat tinggal)/ Pengerusi Persatuan Penduduk/ Pengerusi JKKK/ Ahli Parlimen/ ADUN/ Pesuruhjaya Sumpah/Jaksa Pendamai

- Salinan Kad Pengenalan Pemohon;
- Salinan Surat Tawaran Masuk ke SBP/ MRSM/ Sekolah Asrama Harian/Institusi Latihan Kemahiran dan Institut Pengajian Tinggi Awam;
- Salinan Pengesahan Pendaftaran masuk ke SBP/ MRSM/ Sekolah harian/ Institusi Latihan Kemahiran dan Institut Pengajian Tinggi Awam;
- Salinan Penyata Pendapatan Bulanan/ Slip gaji bulanan bapa/ibu atau waris/ penjaga pemohon yang telah disahkan. Bagi pihak yang tidak mempunyai penyata pendapatan bulanan/slip gaji, pengesahan pendapatan adalah daripada Penghulu, Pengerusi MPKK, Ketua Kampung atau individu yang berkaitan; dan
- Salinan muka hadapan Buku Akaun Bank/ Penyata Akaun Bank pemohon yang aktif. Akaun Tabung Haji (TH) dan Amanah Saham Nasional (ASB) adalah tidak diterima.

4. KAEDAH PERMOHONAN

- Borang permohonan rasmi berserta lampiran lengkap hendaklah dihantar melalui pos atau perkhidmatan kurier kepada urus setia AAB, KKDW di alamat seperti berikut:

URUS SETIA AKAUN AMANAH BAKTIDESA (AAB), KKDW

Bahagian Korporat & Pembangunan Kemahiran,
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah,
Aras 24, No. 47 Persiaran Perdana Presint 4,
62100 PUTRAJAYA.

No. tel.:03-8891 2226/2237/2214/2215

No. faks.: 03-8888 2336

e-mel :baktidesa@rurallink.gov.my